

Mahathir bukan diktator - Ghafar

MM 26 JUN 1988

KUALA TERENGGANU 25 Jun — Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba menafikan bahawa Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad bertindak sebagai seorang diktator dalam kepimpinannya sehinggakan banyak kementerian dipegang.

Beliau berkata mereka yang membuat dakwaan itu seharusnya memahami istilah diktator itu kerana seorang diktator adalah pemimpin yang disokong oleh tentera dan dia seorang sahaja yang berkuasa, tanpa Parlimen, Dewan Rakyat atau negeri.

Encik Ghafar berkata, "saya tidak fikir orang seperti itu (Datuk Sri Dr. Mahathir) yang saya kenal dan bergaul dengannya sekian lama adalah diktator."

Beliau berkata demikian ketika ditanya oleh seorang peserta yang menghadiri majlis perjumpaan dan dialog antara beliau dengan anggota KEMAS dan guru-guru seluruh Negeri Terengganu di Wisma Darul Iman di sini hari ini.

Peserta itu bertanyakan adakah benar tuduhan yang disebarkan meluas kini bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir bertindak sebagai diktator sehinggakan selain jawatan Perdana Menteri beliau memegang beberapa lagi kementerian.

Beliau menjelaskan di Malaysia yang mengamalkan demokrasi rakyat mengambil bahagian menubuhkan kerajaan dan Perdana Menteri sendiri harus melalui beberapa peringkat pemilihan ia melalui pilihan raya, parti dan seterusnya dengan persetujuan Dewan Rakyat.

Menurut Encik Ghafar

di sebalik wajah Perdana Menteri yang serius beliau seorang yang lemah lembut dan selalu mengadakan perbincangan mendengar dan menerima pandangan orang lain.

"Dalam majlis tertinggi atau mesyuarat jemaah menteri, setiap orang berpeluang bercakap dan mengemukakan pandangan dan akhir keputusan dibuat secara mengundi. Kadang-kadang cadangannya dikalahkan dan setiap keputusan berdasarkan suara ramai."

Sokongan

Menurut beliau sepanjang penglibatannya dalam majlis tertinggi dan jemaah menteri, di bawah kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir mesyuarat paling banyak diadakan bagi membincangkan sesuatu perkara.

"Bukan sahaja perkara besar, tetapi perkara yang kita anggap kecil turut dibawa ke dalam mesyuarat seperti soal pakaian menteri dan pokok apakah yang paling

sesuai ditanam di pinggir jalan dibincangkan untuk memuaskan hati semua pihak."

"Hidupnya seharian penuh dengan mesyuarat dan dia mengambil perhatian yang begitu besar tentang apa sahaja, baik kebersihan dan sebagainya bagi membangunkan bangsa dan negara.

"Saya tidak fikir orang seperti itu diktator. Dia terlalu sibuk dan wajahnya jarang kita lihat tersenyum. Tetapi dia seorang yang lemah-lembut dan saya akan terus memberi sokongan kepadanya."

Mengenai banyak jawatan yang dipegangnya beliau berkata, ia membuktikan Datuk Sri Dr. Mahathir seorang yang sanggup bekerja keras untuk negara dan selagi dia berkemampuan, tidak ada apa yang harus dipersoalkan.

Katanya, Perdana Menteri memegang banyak kementerian bukan bererti ia tamakkan gaji kerana seorang menteri hanya mendapat gaji bagi satu kementerian sahaja.